

AMALAN GAYA PEMBELAJARAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

Mohd Sobri Mahmood
Dr. Mohamad Khairi Othman
Universiti Utara Malaysia
mohdsobrismb1@gmail.com

Abstrak - Amalan gaya pembelajaran (AGP) dan pemikiran kritis (PK) adalah dua elemen penting dalam proses pembelajaran. AGP adalah cara bagaimana seseorang membuat pilihan untuk mendapatkan maklumat dan belajar manakala PK merujuk kepada proses minda untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan AGP dan PK dalam kalangan pelajar tingkatan enam di Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjadikan Transformasi Tingkatan Enam sebagai satu daripada agenda utama negara. Transformasi Tingkatan Enam dilakukan agar modal insan yang bakal dilahirkan berkualiti, bersatu padu, patriotik, mempunyai jati diri, mampu memimpin, dan berdaya saing. Sistem pengajaran dan pembelajaran telah diubah suai agar setaraf dengan institusi pengajian tinggi. Sistem pembelajaran bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran kognitif, manipulatif, dan insaniah. Selain itu, kertas konsep ini juga akan membincangkan tentang sistem tingkatan enam di Malaysia masa kini, penjenamaan semula tingkatan enam, cabaran masa kini dan prospek masa hadapan. Berdasarkan tinjauan literatur didapati kejayaan pelajar tidak bergantung kepada gaya pembelajaran tertentu manakala PK merupakan sebahagian kemahiran berfikir yang dapat menyelesaikan permasalahan manusia secara berkesan dan merupakan sebahagian daripada dasar pendidikan negara

Kata Kunci: Amalan Gaya Pembelajaran (AGP); Pemikiran Kritis (PK); Tranformasi Tingkatan Enam.

1.0 Pengenalan

Tingkatan Enam telah bermula sejak 50 tahun dahulu di sekolah-sekolah menengah harian bantuan penuh kerajaan. Penjenamaan semula tingkatan enam telah mengketagorikan pusat tingkatan enam kepada Mod 1, Mod 2, dan Mod 3. Mod 1 merujuk kepada Kolej Tingkatan Enam yang mempunyai premis berasingan dengan sekolah arus perdana dan mempunyai pentadbiran sendiri dengan beroperasi sekurang-kurangnya 12 kelas. Mod 2 merujuk kepada pemusatan kelas tingkatan enam sekurang-kurangnya 12 kelas di blok berasingan sekolah arus perdana manakala Mod 3 untuk pemusatan kurang 12 kelas dan berkongsi blok sekolah arus perdana. Penukaran nama ini bertujuan memberi motivasi kepada pelajar selain menyediakan persekitaran sekolah yang lebih kondusif sekali gus mempunyai proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih teratur. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Cambridge Assessment, England. Murid yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan STPM dan kokurikulum layak memohon untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Sijil STPM turut diterima oleh JPA untuk menjawat perjawatan dalam perkhidmatan Kerajaan (PI Bil. 7, 2017).

Kertas konsep ini bertujuan untuk menyelusuri sistem tingkatan enam di Malaysia masa kini, penjenamaan semula tingkatan enam, cabaran masa kini dan prospek masa hadapan dan amalan gaya pembelajaran (AGP) dan pemikiran kritis (PK) dalam kalangan pelajar tingkatan enam di Malaysia. Semua pusat tingkatan enam khususnya kolej tingkatan enam adalah pusat tingkatan enam yang berasingan dengan dengan aliran perdana, beroperasi di bangunan yang tersendiri. Guru yang mengajar adalah guru yang terlatih, mahir, dan berpengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru yang mengajar di kolej dan pusat tingkatan enam adalah guru yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sepatutnya berdasarkan situasi ini pembelajaran para pelajar seharusnya lebih sistematik dan berfokus. Berdasarkan keputusan STPM 2017 didapati kebanyakan pencapaian kolej tingkatan adalah di tahap sederhana.

Pendidikan di Malaysia amat menekankan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Hasrat ini terkandung dalam pelan pembangunan negara yang menekankan kemahiran berfikir (KPM, 2013). Di peringkat STPM semua

pelajar harus mengambil mata pelajaran Pengajian Am dan seharusnya memperoleh sekurang-kurangnya gred 'C' untuk melayakkan untuk memohon ke Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Jadual 1.1

Peratus pencapaian mata pelajaran Pengajian Am mengikut gred bagi Semester 1, 2, dan 3 bagi tahun 2017.

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Semester											
Semester 1	2.67	4.05	12.08	14.33	11.72	12.22	12.04	10.69	8.59	6.01	5.52
Semester 2	5.7	6.96	12.53	10.29	5.92	5.31	5.87	6.95	4.16	9.52	26.80
Semester 3	7.66	4.75	3.24	7.77	15.22	5.64	11.93	11.44	10.44	8.56	13.04

(Sumber: Laporan Majlis Peperiksaan Malaysia, Semester 1, Semester 2, dan Semester 3, 2017)

Jadual 1.1 menunjukkan pencapaian pelajar tingkatan enam di Malaysia bagi tahun 2017. Berdasarkan peratus pencapaian semester 1, 2, dan 3 didapati pencapaian keseluruhan pelajar adalah sederhana. Subjek Pengajian Am adalah subjek yang memerlukan kemahiran berfikir untuk menjawabnya. Untuk memperoleh 'A' seseorang pelajar harus mengaplikasikan kemahiran berfikir. Antara ciri-ciri yang membantu untuk memperoleh 'A' berdasarkan sukatan Pengajian Am STPM adalah: 1) Calon seharusnya mampu mengemukakan fakta yang tepat dan mencukupi, 2) Jawapan seharusnya memperlihatkan kemahiran kognitif, afektif dan insaniah yang tinggi, 3) Jawapan sepatutnya menggunakan penguasaan bahasa yang meyakinkan, 4) Kefahaman terhadap isu-isu berdasarkan kepelbagaian bahan bacaan, 5) Keupayaan menghubungkan kepelbagaian fakta dalam mengulas sesuatu isu, 6) Pengaplikasian maklumat yang ada untuk menilai dan mentaksir maklumat secara relevan, jelas dan tepat dan, 7) Pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran, menaakul, menganalisis, mentafsir, mensintesis, menilai dan merumus (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Kelemahan dalam kemahiran yang disenaraikan ini akan menyebabkan pencapaian para pelajar tingkatan enam berada di tahap yang lemah, manakala penguasaan kemahiran ini mampu melonjakkan pencapaian pelajar menjadi 'A'. Mengikut pandangan Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2017) para pelajar di Malaysia masih belum kukuh dalam memantapkan kemahiran berfikir. Marlina Ali dan Shaharom Noordin (2012) berpandangan terdapatnya pertalian di antara amalan gaya pembelajaran dengan pemikiran kritis.

2.0 Amalan Gaya Pembelajaran (AGP)

Seseorang pelajar mempunyai pendekatan masing-masing dalam proses belajar. Pendekatan dalam proses belajar dikatakan amalan pembelajaran. Mengikut Dunn dan Dunn (1978) cara seseorang memberi fokus dan perhatian untuk mendapat kemahiran baru dan maklumat adalah amalan gaya pembelajaran. Mengikut mereka amalan gaya pembelajaran merujuk kepada cara murid memahami, mengenal pasti, berinteraksi dan bertindak dengan keadaan persekitarannya. Moussa (2014) berpandangan amalan gaya pembelajaran adalah penting kepada seseorang dan memberi kesan kepada pendidikan secara umumnya. Gaya belajar di antara seseorang adalah berbeza (felderman & Silverman, 1988). Che Ghani Che Kob, Mai Shihah Abdulah, Arasinah Kamis, Zaliza Hanapi, dan Ridzuan Che Rus (2016) mendapati pelajar harus memahami gaya pembelajaran mereka agar dapat memberikan fokus yang terbaik dan mencapai matlamat pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan. Sara Alavi dan Hassan Toozandehjani (2017) mendapati terdapatnya perbezaan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar.

3.0 Pemikiran Kritis (PK)

Pemikiran kritis merujuk kepada penilaian seseorang untuk membuat pertimbangan terhadap sesuatu dengan cara membuat penilaian, analisis, mentafsir, dan kesimpulan (Facione, 2013). Pemikiran kritis adalah kemahiran dalam proses penyelesaian masalah sendiri secara logik dan merupakan proses minda (Yasushi Gotoh, 2015). Beyer (1995) berpandangan pemikiran kritis adalah suatu bentuk pemikiran dalam menentukan kepastian sesuatu. Pemikiran kritis dikatakan berlaku apabila berlakunya proses berfikir dengan tujuan menilai sesuatu perkara secara logik dan rasional. Ianya akan melibatkan alasan dan bukti yang sewajarnya dalam membuat pertimbangan. Dalam proses memberi pandangan ilmu dan maklumat yang tepat dan mencukupi amat-amat diperlukan. Seringkali pandangan dan pendapat seharusnya disertakan alasan dan justifikasi agar ianya lebih bernas dan tersusun. Maklumat yang banyak mampu melahirkan pelajar yang berkeupayaan memberi pandangan dari pelbagai sudut yang berbeza. Pelajar yang mendapat peluang dalam proses pembelajaran mampu meningkatkan

penguasaan ilmu dan maklumat. Proses belajar bermula dengan cara membaca, bertanya, mengamalkan apa yang dipelajari, dan pelbagai cara lagi. Keadaan ini mampu melahirkan para pelajar yang berilmu, mampu mempertahankan pandangan, berfikiran terbuka, zuhud, dan menerima pandangan orang lain (KPM, 2013).

4.0 Perbincangan

Gaya pembelajaran dibuktikan mempunyai hubungan dengan pemikiran kritis. Kajian oleh Zohre Ghazivakili, Roohangiz Norouzi Nia, Faride Panahi, Mehrdad Karimi, Hayede Gholsorkhi, dan Zarrin Ahmadi, (2014) mendapati bahawa seseorang perlu memilih gaya pembelajaran yang sesuai. Gaya pembelajaran dikatakan mempunyai hubungan dengan jantina, umur, semester, bidang pengajian, dan pekerjaan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa gaya pembelajaran mempunyai hubungan dengan pemikiran kritis. Keadaan ini akan memberi kesan langsung kepada prestasi pelajar. Gaya pembelajaran harus dipilih agar prestasi atau pencapaian dapat ditingkatkan.

Sebaliknya, Hala Gabr Mahmoud (2012) dalam kajiannya di Arab Saudi mendapati pembelajaran aktif mampu meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam penyelesaian masalah. Pemikiran kritis mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembelajaran aktif. Walau bagaimanapun pemikiran kritis tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya pembelajaran yang lain. Hal ini selari dengan sistem modular yang berjalan kini. Para pelajar perlu lebih aktif dan berkolaboratif antara satu sama lain. Para pelajar perlu mengaplikasikan kemahiran kognitif, manipulatif dan insaniah untuk memperoleh maklumat dan ilmu. Kebanyakan pelajar yang memperoleh markah yang tinggi dalam amali dan kerja kursus adalah pelajar yang mempunyai kemahiran mendapatkan maklumat dan aktif.

Kajian oleh Yalcin Dilekli (2017) di Turki berkaitan hubungan antara pemikiran kritis dalam kalangan pelajar berbakat mendapati terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dan pemikiran kritis. Kajian mendapati responden mendapat skor yang tinggi bagi soalan berkaitan kemahiran kritis. Hal ini selari dengan pencapaian di tingkatan enam apabila pelajar yang rajin dan cemerlang sentiasa mendapat keputusan yang cemerlang. Hal ini selari dengan kajian oleh Siriopoulos dan Pomonis (2007) berkaitan gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pemikiran kritis menunjukkan gaya pembelajaran yang biasa adalah yang bersifat menumpu dan mengasimilasikan. Gaya pembelajaran Aktif - Reflektif dan Kongkrit – Abstrak didapati mempunyai hubungan dengan pemikiran kritis. Ahmet Nusret Bulgurcuoglu (2016) dalam kajiannya di Turki mendapati pemikiran kritis dan amalan membaca dalam kalangan guru pendidikan pra berada pada tahap sederhana. Wujud hubungan yang positif dan signifikan antara pemikiran kritis dengan amalan membaca. Amalan membaca buku dapat meningkatkan pemikiran kritikal seseorang. Pembacaan sebenarnya perlu dikukuhkan dengan pembelajaran sendiri dan explorasi.

Sistem pengajian di tingkatan enam sebelum tahun 2013 adalah berdasarkan sukatan yang digubal dan digunakan pada tahun 2005 hingga tahun 2012. Pembelajaran di tingkatan enam mengambil masa 1½ tahun dengan sekali peperiksaan pada akhir tahun di tingkatan 6 atas (tahun berikutnya). Proses pembelajaran adalah selama 1½ tahun manakala keputusan peperiksaan ditentukan oleh 1 kali peperiksaan sahaja. Ulangan dibenarkan tetapi pada tahun berikutnya. Sistem pembelajaran adalah bersifat kumulatif. Keadaan ini menyebabkan para pelajar kurang terbeban dengan sistem pembelajaran yang ada.

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah diterima dan diiktiraf diperingkat global dan setara dengan A-level. Tempoh pembelajaran adalah 3 semester dan melibatkan kerja Kursus. Pentaksiran adalah bersifat Modular, setara dengan program prauniversiti yang lain. Setiap semester mempunyai sumbangan masing-masing dan menyumbang kepada gred purata keseluruhan. Pencapaian yang cemerlang dalam semua semester akan membolehkan seseorang pelajar mendapat A dalam subjek yang diambil. Pelaksanaan Kerja Kursus mampu meningkatkan kemahiran kognitif, manipulatif dan insaniah para pelajar. Kandungan sukatan pelajaran STPM adalah setara dengan program prauniversiti yang lain. Pembelajar di prauniversiti tidak memerlukan kos yang tinggi dan tidak melibatkan pinjaman PTPTN. Pembelajaran di tingkatan enam lebih kepada pembelajaran di bangunan yang berasingan khususnya bagi Mod 1 dan Mod 2. Tiada lagi pakaian seragam sekolah, sebaliknya pemakaian adalah berdasarkan kod pemakaian yang lebih fleksibel dan bersesuaian.

Peperiksaan akan diadakan sebanyak 3 kali pada akhir setiap semester. Calon boleh mengulang peperiksaan untuk semester 1 dan 2 sahaja. Keputusan terbaik akan dipilih dan diguna pakai dalam proses pengiraan keputusan keseluruhan. Pembelajaran berasaskan sistem modular yang mengambil kira mengambil kira konsep *School Based* seperti kerja kursus/kerja amali yang dinilai oleh guru yang akan dicampur dengan keputusan peperiksaan berpusat. Pembelajaran berasaskan sistem modular mengambil kira elemen kemahiran insaniah. Sebenarnya tranformasi kepada sistem pentaksiran modular sesuai dengan sistem pendidikan global yang semakin dinamik dan sepadan dengan sistem yang diamalkan di IPTA dan Kolej Matrikulasi. Keadaan ini juga selaras dengan permintaan serta ekspektasi penuntut pra-Universiti. Sistem peperiksaan STPM seharusnya mengalami anjakan paradigma, iaitu berubah daripada sistem terminal sekarang kepada sistem modular yang lebih baik.

Sistem Modular mempunyai kelebihan apabila beban belajar berkurang. Para pelajar mempelajari kandungan kursus bagi semester berkenaan saja sebelum menghadapi peperiksaan. Pelajar mempunyai peluang yang lebih besar untuk memperoleh keputusan yang lebih baik. Skop pengajian yang dinilai hanya terhad kepada apa yang dipelajari pada setiap semester. Kurikulum menekankan pendidikan berasaskan hasil (*Outcome-Based Education*) lebih berpusatkan pelajar daripada berpusatkan kandungan kursus. Situasi ini dikatakan akan menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik. Pentaksiran berterusan (berasaskan sekolah) melalui kerja kursus/kerja amali membawa wajar 20-30%. Usaha memantapkan pentaksiran dilakukan agar lebih holistik dan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Selain itu, para pelajar dapat merasai suasana pembelajaran sebagaimana di universiti. Para pelajar sudah bersedia sebelum mereka ke IPTA. Calon yang lulus penuh sekurang-kurangnya dalam satu mata pelajaran akan dianugerahi sijil STPM yang menunjukkan gred dan NGMP mata pelajaran berkenaan. Kini sistem ini telah berjalan selama 7 tahun dan terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kekurangan yang ada. Justeru, perubahan sukatan dan penilaian semula perlu dilakukan agar mutu dan kualiti STPM semakin meningkat dan terjaga.

Keadaan masa sekarang menunjukkan lepasan pelajar tingkatan lima lebih berminat untuk ke kolej dan universiti. Sebahagian besar pelajar beranggapan pembelajaran di tingkatan enam adalah lebih berisiko. Keadaan ini menjadikan tingkatan enam pilihan terakhir pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran mereka. Kebanyakan pelajar memilih untuk ke universiti dan matrikulasi. Mereka lebih berminat kerana mendapat gelaran mahasiswa berbanding pelajar. Statistik menunjukkan bilangan calon STPM semester 1 pada tahun 2013 adalah seramai 62, 969 orang berbanding Semester 1 2017 iaitu seramai 44, 132 orang iaitu perbezaan seramai 18, 837 orang (MPM, 2013 & 2017)

Selain itu, kekurangan kemudahan dan infrastruktur sedikit sebanyak menjejaskan usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berketerampilan. Masih terdapat banyak kekurangan kemudahan untuk pelajar tingkatan enam di kolej dan pusat tingkatan enam. Kekurangan infrastruktur dan ketidakselesaan sememangnya menjejaskan proses pembelajaran para pelajar.

IPTA memberi keutamaan kepada lepasan tingkatan enam untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Sistem modular yang sedia ada sekarang mempunyai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri. Para pelajar lebih bersedia dengan kepelbagaian kemahiran sebelum mereka memasuki IPTA. Calon STPM lebih cemerlang dari aspek akademik, kokurikulum dan kepimpinan.

5.0 Kesimpulan

Pembelajaran di tingkatan enam adalah salah satu laluan ke IPTA. Walau bagaimanapun kemasukan ke tingkatan enam adalah langkah yang terbaik kerana terbukti sijil STPM diiktiraf di universiti tempatan dan antarabangsa. Para pelajar harus didedahkan dengan amalan gaya pembelajaran agar mereka lebih berfokus dalam menghadapi amali, kerja kursus dan pentaksiran berpusat. Selain itu, pendedahan terhadap kemahiran berfikir perlu dimantapkan agar para pelajar mempunyai maklumat dan kemahiran.

Rujukan

- Beyer B.K. (1995). *Critical thinking*. Bloomington, IN: Phi Delta Kappa Educational Foundation.
- Bulgurcuoglu, A. N. (2016). Relationship between critical thinking levels and attitudes towards reading habits among pre-service physical education teachers. *Educational Research and Reviews*, 11(8), 708-71.
- Che Ghani Che Kob, Mai Shihah Abdulah, Arasinah Kamis, Zaliza Hanapi, & Ridzuan Che Rus. (2016). Amalan gaya pembelajaran pelajar cemerlang di Politeknik Seberang Perai: Kajian pelajar Malaysia berdasarkan model Felder Silvermen. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 181 -191.
- Dunn, R.S., & Dunn, K.J. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Reston Publishing Company.
- Facione, A. P. (2013). *Critical thinking: What It is and why it counts*, CA, Millbrae: Measured Reasons LLC, Hermosa Beach. Retrieved from <http://go.roguecc.edu/sites/go.roguecc.edu/files/dept/nursing/PDF/Nursing/Critical%20Thinking-What%20it%20is%20and%20Why%20it%20Counts-to%20be%20linked%20to%20HSRT%20info.pdf> 28.
- Felder R.,M, & Silverman L.,K. (1988). Learning And Teaching Styles In Engineering Education. *Journal of Engr. Education* 78(7), 674-681.
- Garis Panduan Dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam, Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 7, 2017, Putrajaya.
- Gotoh, Y. (2015). Development of critical thinking self-assessment system using wearable device. 12th International Conference on Cognition and Exploratory Learning in Digital Age.
- Hala Gabr Mahmoud. (2012). Critical thinking dispositions and learning styles of Baccalaureate nursing students and its relation to their achievement. *International Journal of Learning & Development*, 2(1).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya.
- Majlis peperiksaan Malaysia. (2013). *Laporan Semester 1. Batu Caves. Selangor*
- Majlis peperiksaan Malaysia. (2017). *Laporan Semester 1. Batu Caves. Selangor*
- Majlis peperiksaan Malaysia. (2017). *Laporan Semester 2. Batu Caves. Selangor.*
- Majlis peperiksaan Malaysia. (2017). *Laporan Semester 3. Batu Caves. Selangor.*
- Majlis peperiksaan Malaysia. *Sukatan pelajaran Pengajian Am. (2012) Batu Caves. Selangor.*
- Marlina Ali & Shaharom Noordin. (2012). Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*: 45–55.
- Nahla Moussa. (2014). *The Importance of Learning Styles in Education*. Institute for Learning Styles Journal, 1.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Elemen Pemikiran Kritis Dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 92-101.
- Sara Alavi, & Hassan Toozandehjani. (2017). The Relationship between Learning Styles and Students' Identity Styles. *Open Journal of Psychiatry*, 7, 90-102.
- Siriopoulous. C., & Pomonis. G., (2007), Learning Style Changes And Their Relationship To Critical Thinking Skills. *Journal of College Teaching & Learning*, 4(1).
- Yalcin Dilekli, (2017). The Relationships Between Critical Thinking Skills And Learning Styles Of Gifted Students. *European Journal of Education Studies*, 3 (4).
- Zohre Ghazivakili, Roohangiz Norouzi Nia, Faride Panahi, Mehrdad Karimi, Hayede Gholsorkhi, & Zarrin Ahmadi. (2014). The role of critical thinking skills and learning styles of university students in their academic performance. *Jurnal of Advances in Medical Education & Profesional*, 2(3).